



MEMO

JABATAN TENAGA MANUSIA
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

RUJUKAN: JTM/HQ/900-3/24 (9)

TARIKH: 13 Februari 2013

PERKARA : PELARASAN TEMPOH LATIHAN BAGI PROGRAM DIPLOMA TEKNOLOGI PERINDUSTRIAN DI ADTEC MELAKA DAN ADTEC KULIM UNTUK PELAJAR SESI PENGAMBILAN JANUARI 2013	
DARIPADA : TKP	SALINAN :
KEPADА : 1) Pengarah ADTEC Melaka 2) Pengarah ADTEC Kulim	1) P (KT) 2) Semua Pengarah Bahagian

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa jabatan telah membuat ketetapan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Kurikulum Bil 1/2013 bertarikh 16 dan 17 Januari 2013 untuk meminda tempoh latihan bagi program Diploma Teknologi Perindustrian untuk pelajar sesi pengambilan Januari 2013 supaya kadar pinjaman dengan pihak Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran dapat diseragamkan.

3. Sehubungan dengan itu, tempoh latihan yang dipersetujui adalah seperti di Lampiran 1. Bagi memastikan kadar yuran bagi semua program adalah seragam di semua ADTEC, yuran pengajian pada semester 6 tidak akan dicaj kepada kumpulan pelajar ini.

4. Kerjasama pihak tuan dipohon untuk memastikan silibus Diploma Teknologi Perindustrian disemak semula mengikut tempoh yang dipersetujui di dalam Bengkel Lanjutan Mekanisma Pelaksanaan Program Diploma Teknologi Kejuruteraan / Diploma Kemahiran Malaysia yang diadakan pada 2 Mei 2012 di Ibu Pejabat, JTM.

5. Kerjasama dan perhatian tuan terhadap perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
‘Pekerja Berinovasi Penggerak Transformasi’

(SYED MOHAMAD NOOR BIN SYED MAT ALI)
b.p Ketua Pengarah
Jabatan Tenaga Manusia.

DIHANTAR
CAW. KAWALAN TEKNIKAL
<input type="radio"/> E-MAIL
<input checked="" type="radio"/> MAIL / COURIER
<input checked="" type="radio"/> FAX
TARIKH 13.2.2013

PINDAAN TEMPPOH | ATIHAN BAGI PROGRAM DIPLOMA TEKNOLOGI PERINDUSTRIAN UNTUK SESI PENGAMBILAN JANUARI 2013

BIL	PELAJAR PENGAMBILAN SESI JULAI 2012	PELAJAR PENGAMBILAN SESI JANUARI 2013
1	Program Diploma (Bermula dengan Tahap 1) <p>Tempoh : 15 bulan Sem 5 : Pembelajaran Tahap 4 Sem 6 : Projek Tahun Akhir (3 bulan) + Latihan Industri (6 bulan) Yuran : RM 8,972.00</p>	Program Diploma (Bermula dengan Tahap 1) <p>Tempoh : 18 bulan Sem 4 : Pembelajaran Tahap 4 Sem 5 : Pembelajaran Tahap 4 + Projek Tahun Akhir Sem 6 : Latihan Industri (6 bulan) Yuran : RM 9,266.00</p>
2	Program Diploma (Bermula dengan Tahap 2) <p>Tempoh : 21 bulan Sem 4 : Pembelajaran Tahap 4 Sem 5 : Pembelajaran Tahap 4 Sem 6 : Projek Tahun Akhir (3 bulan) + Latihan Industri (6 bulan) Yuran : RM 12,580.00</p>	Program Diploma (Bermula dengan Tahap 2) <p>Tempoh : 18 bulan Sem 4 : Pembelajaran Tahap 4 Sem 5 : Pembelajaran Tahap 4 Sem 6 : Projek Tahun Akhir (3 bulan) + Latihan Industri (3 bulan) Yuran : RM 9,266.00</p>